

## BAB 4

### HASIL KAJIAN

#### 4.1 Pengenalan

Bahagian ini menghuraikan tentang keputusan analisis kajian yang berkaitan dengan maklumat latar belakang responden, impak modal sosial terhadap prestasi pendidikan pelajar sekolah di luar bandar dan kesan pola modal sosial yang berbeza terhadap prestasi pendidikan pelajar sekolah di luar bandar.

#### 4.2 Latar belakang Responden

Jadual 4.1 adalah berkenaan dengan latar belakang responden merangkumi jantina, umur, bangsa, agama, tingkatan, biasiswa, pendapatan ibu, pendapatan bapa, pencapaian akademik dan keputusan peperiksaan yang terkini pelajar.

Jadual 4.1: Statistik deskriptif latar belakang responden

<b>Pembolehubah</b>	<b>Kekerapan</b>	<b>Peratusan</b>
Jantina		
Lelaki	368	42.4
Perempuan	466	53.7
Umur		
Kurang 10 tahun	0	0
11 hingga 12 tahun	1	0.1
13 hingga 14 tahun	331	38.2
15 hingga 16 tahun	426	49.1
17 hingga 18 tahun	108	12.5
Lebih dari 19 tahun	1	0.1
Bangsa		
Melayu	777	89.6
Cina	48	5.5
India	3	0.3
Siam	4	0.5
Tidak Ditetapkan	35	4.0

Jadual 4.1, sambungan

<b>Pembolehubah</b>	<b>Kekerapan</b>	<b>Peratusan</b>
Agama	4	0.5
Islam	787	90.8
Kristian	53	6.1
Buddha	2	0.2
Tiada	21	2.4
Tidak Dinyatakan		
Tingkatan		
1	173	20
2	156	18
3	156	18
4	273	31.5
5	107	12.3
6R	1	0.1
Tidak ditentukan	1	0.1
Biasiswa		
Ada	124	14.3
Tiada	743	85.7
Pendapatan Ibu		
Tiada	593	68.4
Kurang RM3000	153	17.6
RM3001-RM6000	17	2
RM6001-RM9000	0	0
RM9001-RM12000	1	0.1
RM12001-RM15000	0	0
Lebih RM15001	1	0.1
Tidak ditentukan	101	11.6
Meninggal dunia	1	0.1
Pendapatan Bapa		
Tiada	43	5
Kurang RM3000	618	71.3
RM3001-RM6000	22	2.5
RM6001-RM9000	2	0.2
RM9001-RM12000	2	0.2
RM12001-RM15000	1	0.1
Lebih RM15001	2	0.2
Tidak ditentukan	168	19.4
Meninggal dunia	9	1
Pencapaian pendidikan		
Kurang baik	108	12.5
Baik	568	65.5
Cemerlang	161	18.6
Tidak dinyatakan	30	3.5
Keputusan peperiksaan terkini		
Tiada A	185	21.3
1A hingga 2A	405	46.7
3A hingga 4A	172	19.8
Lebih dari 5A	69	8

Jadual 4.1, sambungan

<b>Pembolehubah</b>	<b>Kekerapan</b>	<b>Peratusan</b>
Tidak ditentukan	36	4.2

Berdasarkan Jadual 4.1 majoriti responden adalah terdiri daripada jantina kategori perempuan iaitu kira-kira 466 orang atau sebanyak 53.7 peratus dari jumlah pelajar sekolah di luar bandar. Majoriti responden berumur 15 tahun hingga 16 tahun iaitu 426 orang pelajar (49.1 peratus) daripada jumlah bilangan pelajar sekolah. Kebanyakan pelajar adalah berbangsa Melayu ialah 777 orang (89.6 peratus) dan beragama Islam iaitu 787 orang pelajar (90.8 peratus). Majoriti pelajar adalah dari tingkatan 4 yang menjadi sampel kajian iaitu 273 orang pelajar (31.5 peratus) dan tiada bantuan biasiswa iaitu kira-kira 743 orang pelajar sekolah desa atau sebanyak 85.7 peratus. Majoriti pelajar sekolah desa iaitu 618 orang pelajar atau sebanyak 71.3 peratus yang terdiri daripada bapa yang berada dalam kategori pendapatan kurang dari RM3000 sebulan dan sebanyak 593 orang pelajar sekolah desa atau sebanyak 68.4 peratus terdiri daripada ibu yang berpendapatan dalam kategori RM0.00 atau tiada pendapatan. Majoriti pelajar mempunyai pencapaian akademik pada aras baik iaitu seramai 568 (65.5 peratus) dan mendapat 1A hingga 2A dalam keputusan peperiksaan yang terkini iaitu seramai 405 orang (46.7 peratus).

### **4.3 Analisis Inferensi**

#### **4.3.1 Objektif 1: Mengukur Pengaruh Modal Sosial Ke atas Pencapaian Akademik Pelajar Desa**

##### **4.3.1.1 Melihat Hubungan Antara Modal Sosial Dan Pencapaian Akademik**

Bahagian ini melihat hubungan antara modal sosial dan pencapaian akademik, oleh itu hubungan korelasi Pearson dan Spearman dijalankan bagi menjawab persoalan kajian

hubungan antara modal sosial dan pencapaian akademik pelajar desa. Korelasi Pearson digunakan kerana data adalah berbentuk normal. Pallant (2005) yang memetik Cohen (1988) menggambarkan nilai 0.1 hingga 0.29 menunjukkan korelasi yang kecil, 0.30 hingga 0.49 menggambarkan korelasi pada aras sederhana dan nilai 0.50 hingga 1.0 menggambarkan korelasi yang besar. Prestasi akademik pelajar dianalisis menggunakan korelasi Spearman kerana kategori indeks adalah skala ordinal.

Jadual 4.2: Statistik deskriptif dan korelasi antara pembolehubah modal sosial dan pencapaian akademik pelajar desa

V	$\bar{x}$	SD	Pekali Korelasi (r)																
			1	2	3	4	5	6	7	8	9	10	11	12	13				
1	2.13	.66																	
2	2.27	1.02	.42**																
3	3.10	.45	.02	.03															
4	2.71	.57	-.01	-.02	.16**														
5	2.92	.41	-.01	.06	.27**	.14**													
6	2.96	.49	.06*	-.01	.27**	.22**	.26**												
7	2.94	.48	.05	-.00	.25**	.16**	.31**	.30**											
8	3.11	.55	.14**	-.03	.21**	.15**	.25**	.38**	.36**										
9	2.59	.50	.10**	.05	.10**	.04	.02	.05	.03	.07									
10	2.95	.53	.06*	-.01	.24**	.26**	.20**	.28**	.21**	.23**	.06								
11	3.26	.61	.02	-.00	.35**	.20**	.29**	.28**	.31**	.33**	.12**	.35**							
12	3.23	.62	.06*	.06	.31**	.18**	.24**	.24**	.26**	.25**	.13**	.24**	.40**						
13	3.19	.63	.02	-.00	.33**	.26**	.29**	.26**	.27**	.25**	.12**	.27**	.37**	.45**					
14	2.93	.61	.01	-.04	.31**	.27**	.24**	.34**	.24**	.25**	.03	.32**	.33**	.28**	.35**				
15	2.94	.70	.05	.09*	.02	-.17**	.13**	-.03	.11**	-.06	.13**	-.03	.21**	.03	.06				
16	2.58	.67	-.00	.00	.09**	.24**	.03	.15**	.08*	.91**	-.04	.22**	.07*	.10**	.14**				
17	2.59	.71	-.02	-.07*	.17**	.20**	.06	.20**	.16**	.24**	-.01	.23**	.14**	.14**	.16**				
18	2.92	.27	-.01	.03	.22**	.16**	.23**	.30**	.26**	.22**	.25**	.30**	.35**	.32**	.32**				
19	2.97	.30	.04	-.00	.38**	.28**	.44**	.56**	.49**	.43**	.07*	.31**	.34**	.26**	.29**				
20	3.20	.62	.07*	.05	.21**	.21**	.23**	.39**	.24**	.35**	.11**	.26**	.29**	.24**	.29**				
21	3.02	.53	-.01	.01	.25**	.23**	.30**	.52**	.28**	.38**	.03	.20**	.32**	.27**	.31**				
22	3.35	.55	.22**	.04	.59**	.13**	.26**	.25**	.29**	.29**	.15**	.25**	.41**	.32**	.33**				

Nota:

\*\* - Korelasi adalah signifikan pada aras 0.01 (2-ekor); \* - Korelasi adalah signifikan pada aras 0.05 (1-ekor); V – Pembolehubah;  $\bar{x}$  - Purata (min); SD - Sisihan Piawai; 1- Pencapaian akademik; 2 - Keputusan peperiksaan yang terkini; 3 - Kumpulan dan jaringan; 4 – Kepercayaan; 5 - Tindakan kolektif dan kerjasama; 6 - Maklumat dan komunikasi; 7 - Perpaduan dan penyertaan sosial; 8 – Pendayaupayaan; 9 - Interaksi sosial; 10 - Agregat sosial; 11 - Autoriti sosial; 12 - Peranan sosial; 13 - Status sosial; 14 - Norma sosial; 15 - Entropi sosial; 16 - Jambatan sosial; 17 - Hubungan sosial; 18 - Bentuk modal sosial; 19 - Dimensi modal sosial; 20 - Ikatan kuat; 21 - Ikatan lemah; 22 - Nod

Jadual 4.2, sambungan

Pembolehubah	$\bar{x}$	SD	Pekali Korelasi (r)									
			14	15	16	17	18	19	20	21	22	
1	2.13	.66										
2	2.27	1.02										
3	3.10	.45										
4	2.71	.57										
5	2.92	.41										
6	2.96	.49										
7	2.94	.48										
8	3.11	.55										
9	2.59	.50										
10	2.95	.53										
11	3.26	.61										
12	3.23	.62										
13	3.19	.63										
14	2.93	.61										
15	2.94	.70	-.01									
16	2.58	.67	.20**	-.36**								
17	2.59	.71	.28**	-.26**	.27**							
18	2.92	.27	.31**	.13**	.15**	.19**						
19	2.97	.30	.33**	-.01	.17**	.22**	.33**					
20	3.20	.62	.31**	-.02	.16**	.14**	.24**	.37**				
21	3.02	.53	.31**	.01	.14**	.23**	.27**	.44**	.32**			
22	3.35	.55	.26**	.07*	.08*	.10**	.25**	.34**	.22**	.24**		

Nota:

\*\* - Korelasi adalah signifikan pada aras 0.01 (2-ekor); \* - Korelasi adalah signifikan pada aras 0.05 (1-ekor); V – Pembolehubah;  $\bar{x}$  - Purata (min); SD - Sisihan Piawai; 1- Pencapaian akademik; 2 - Keputusan peperiksaan yang terkini; 3 - Kumpulan dan jaringan; 4 – Kepercayaan; 5 - Tindakan kolektif dan kerjasama; 6 - Maklumat dan komunikasi; 7 - Perpaduan dan penyertaan sosial; 8 – Pendayaupayaan; 9 - Interaksi sosial; 10 - Agregat sosial; 11 - Autoriti sosial; 12 - Peranan sosial; 13 - Status sosial; 14 - Norma sosial; 15 - Entropi sosial; 16 - Jambatan sosial; 17 - Hubungan sosial; 18 - Bentuk modal sosial; 19 - Dimensi modal sosial; 20 - Ikatan kuat; 21 - Ikatan lemah; 22 - Nod

Berdasarkan Jadual 4.2 nilai pekali korelasi Pearson ( $r$ ) nod adalah paling tinggi menunjukkan pertalian secara positif dengan pencapaian akademik pelajar desa iaitu  $r = .22$  pada aras signifikan  $.01$ . Nilai pekali korelasi  $.22$  adalah menunjukkan korelasi yang kecil. Peningkatan dalam nod akan menyebabkan peningkatan dalam pencapaian akademik pelajar desa. Pekali korelasi nod menunjukkan pertalian secara positif dengan kumpulan dan jaringan iaitu  $r = .59$  pada aras signifikan  $.01$  adalah yang tertinggi dalam korelasi dengan kumpulan dan jaringan yang menggambarkan nilai korelasi yang besar.

Dimensi modal sosial menunjukkan pekali korelasi paling tinggi dalam bentuk positif dengan kepercayaan iaitu nilai  $r = .28$  pada aras  $.01$ . Korelasi adalah kecil untuk dimensi modal sosial dan kepercayaan. Dimensi modal sosial juga menunjukkan pekali korelasi tertinggi dengan tindakan kolektif dan kerjasama iaitu  $r = .44$  pada aras  $.01$ . Ini menggambarkan pertalian adalah sederhana dan secara positif. Dimensi modal sosial juga menunjukkan nilai korelasi tertinggi bagi maklumat dan komunikasi serta perpaduan dan penyertaan sosial iaitu masing-masing  $r = .56$  (maklumat dan komunikasi) dan  $r = .49$  (perpaduan dan penyertaan sosial). Nilai tersebut menunjukkan korelasi yang besar secara positif bagi maklumat dan komunikasi manakala korelasi sederhana secara positif bagi perpaduan dan penyertaan sosial. Jambatan sosial menunjukkan nilai korelasi tertinggi bagi hubungan dengan pendayaupayaan iaitu  $r = .91$  pada aras signifikan  $.01$  yang menggambarkan korelasi yang besar secara positif.

Interaksi sosial menunjukkan pekali korelasi tertinggi dengan bentuk modal sosial iaitu  $r = .25$  pada aras  $.01$  yang menggambarkan korelasi yang kecil. Autoriti sosial menunjukkan pekali korelasi tertinggi dengan agregat sosial iaitu  $r = .35$  pada aras  $.01$  yang menggambarkan korelasi yang sederhana. Nod menunjukkan pekali korelasi tertinggi mempunyai pertalian dengan autoriti sosial iaitu nilai  $r = .41$  pada aras signifikan  $.01$  iaitu menggambarkan korelasi yang sederhana. Status sosial menunjukkan nilai pekali korelasi

tertinggi mempunyai pertalian dengan peranan sosial iaitu nilai  $r = .45$  pada aras signifikan  $.01$  iaitu menggambarkan korelasi yang sederhana.

Norma sosial menunjukkan nilai pekali korelasi yang tertinggi yang mempunyai pertalian dengan status sosial iaitu nilai  $r = .35$  pada aras signifikan  $.01$ . Ini menggambarkan bahawa korelasi adalah sederhana. Dimensi modal sosial menunjukkan nilai pekali korelasi yang tertinggi dengan norma sosial iaitu nilai  $r = .33$  pada aras signifikan  $.01$ . Ini menggambarkan korelasi pada aras sederhana. Jambatan sosial menunjukkan nilai pekali korelasi yang tertinggi dengan entropi sosial iaitu nilai  $r = -.36$ . Ini menggambarkan korelasi yang sederhana secara negatif iaitu apabila entropi sosial meningkat maka jambatan sosial akan menurun.

Hubungan sosial menunjukkan nilai pekali korelasi yang tertinggi dengan jambatan sosial iaitu nilai  $r = .27$  pada aras signifikan  $.01$ . Ini menggambarkan korelasi adalah kecil dan adalah secara positif. Ikatan lemah menunjukkan pekali korelasi tertinggi dengan hubungan sosial iaitu  $r = .23$  pada aras signifikan  $.01$ . Ini menggambarkan korelasi adalah kecil. Dimensi modal sosial menunjukkan korelasi tertinggi dengan bentuk modal sosial iaitu nilai  $r = .33$  pada aras signifikan  $.01$ . Korelasi adalah sederhana dan secara positif. Ikatan lemah mempunyai nilai korelasi tertinggi dengan dimensi modal sosial iaitu  $r = .44$  pada aras signifikan  $.01$  iaitu korelasi adalah sederhana. Ikatan lemah mempunyai nilai pekali korelasi tertinggi dengan ikatan kuat iaitu  $r = .32$  pada aras signifikan  $.01$ . Ini menunjukkan korelasi sederhana. Nilai pekali korelasi ikatan lemah dengan nod ialah  $r = .24$  pada aras signifikan  $.01$ . Ini menunjukkan korelasi yang kecil.

Kesimpulannya di sini nod mempunyai nilai pekali korelasi paling tinggi dengan pencapaian akademik pelajar desa dan maklumat dan komunikasi mempunyai nilai pekali korelasi paling rendah dengan pencapaian akademik pelajar desa. Entropi sosial mempunyai nilai pekali korelasi paling tinggi dengan keputusan peperiksaan yang terkini



pelajar manakala hubungan sosial mempunyai nilai pekali korelasi paling rendah dengan keputusan peperiksaan yang terkini pelajar.

#### **4.3.1.2 Pengaruh Modal Sosial Ke atas Pencapaian Akademik Pelajar Desa**

Ujian regresi berganda dijalankan untuk melihat pengaruh modal sosial ke atas pencapaian akademik pelajar desa (Rajah Scatterplot dalam lampiran Apendiks C). Dalam kajian ini, dua jenis analisis regresi berganda dijalankan iaitu ujian regresi berganda linear dan regresi berganda ordinal bagi menjawab objektif kajian. Regresi berganda menggambarkan set pembolehubah yang dapat meramalkan hasil tertentu. Maklumat tentang model secara keseluruhan (subskala) dan sumbangan relatif setiap pembolehubah yang menghasilkan model (subskala secara individu) diperolehi melalui analisis regresi berganda. Antara analisis regresi berganda ialah seperti menambah pembolehubah yang menyumbang pada kemampuan ramalan model, melebihi pembolehubah yang sudah termasuk dalam model dan melihat kawalan ke atas pembolehubah apabila meneroka kemampuan ramalan model. Analisis Kekolinearan dilakukan apabila pembolehubah bebas adalah sangat berkorelasi iaitu nilai  $r$  adalah 0.9 dan ke atas (Pallant, 2005).

Regresi berganda linear digunakan untuk menganalisis keputusan peperiksaan yang terkini pelajar kerana menggunakan skala interval manakala regresi berganda ordinal digunakan untuk menganalisis pencapaian akademik pelajar desa kerana menggunakan skala ordinal. Analisis regresi berganda standard dijalankan antara modal sosial dan pencapaian akademik pelajar desa. Analisis dijalankan menggunakan Regresi SPSS. Andaian telah diuji melalui memeriksa plot kebarangkalian normal dan taburan adalah normal, tiada masalah kelinearan atau kehomoskedastikan. Regresi berganda secara amnya adalah berhirarki kerana kaedah ini telah dibuktikan paling berkesan untuk menilai kesan

pembolehubah pengantara ke atas hubungan yang wujud antara pembolehubah bebas dan pembolehubah bersandar (Hoong dan Lee, 2015).

Julat Kuasa dua R adalah dari 0 hingga 100. Kuasa dua R pada nilai 100 bermaksud pembolehubah bersandar dengan sepenuhnya diterangkan oleh pembolehubah bebas. Nilai Kuasa dua R tinggi ialah antara 85 hingga 100 menandakan pembolehubah bersandar adalah selari dengan pembolehubah bebas. Nilai Kuasa dua R yang rendah adalah 70 atau kurang dari 70 iaitu pembolehubah bersandar tidak banyak dipengaruhi oleh pembolehubah bebas (Rais Ahmad, 2015).

Jadual 4.3: Regresi berganda linear antara pembolehubah modal sosial dan keputusan peperiksaan pelajar yang terkini

Pembolehubah	Kuasa dua R	Kuasa dua terselaras	R	F	Sig.	Pekali tidak terpiawai	
						B	Keralatan piawai
Tetap	.01	.00		.93	.46	1.96	.35
Kumpulan dan jaringan						.06	.08
Kepercayaan						-.05	.06
Tindakan kolektif dan kerjasama						.17	.09
Maklumat dan komunikasi						-.04	.08
Perpaduan dan penyertaan sosial						-.04	.08
Tetap	.01	.00		1.35	.24	2.04	.31
Pendayaupayaan						-.08	.07
Interaksi sosial						.09	.07
Agregat sosial						-.02	.07
Autoriti sosial						-.04	.07
Peranan sosial						.12	.06
Tetap	.01	.01		2.31	.04	2.03	.31
Status sosial						.01	.06
Norma sosial						-.06	.06
Entropi sosial						.13	.05
Jambatan sosial						.08	.06
Hubungan sosial						-.08	.05
Tetap	.00	-.00		.75	.59	1.98	.44
Bentuk modal sosial						.07	.14
Dimensi modal sosial						-.12	.14
Ikatan kuat						.08	.06
Ikatan lemah						-.01	.08
Nod						.07	.07

Keputusan dalam Jadual 4.3 menunjukkan cadangan disahkan dalam analisis regresi berganda linear dengan keputusan peperiksaan yang terkini pelajar sebagai ukuran pembolehubah bersandar dan lima pembolehubah iaitu status sosial, norma sosial, entropi sosial, jambatan sosial dan hubungan sosial sebagai peramal. Kelima-lima peramal menjelaskan sebahagian besar perbezaan,  $R^2 = .01$ ,  $F(5, 867) = 2.31$ ,  $p < .05$ . Hubungan status sosial dengan keputusan peperiksaan yang terkini pelajar ( $\beta = .01$ ,  $p < .05$ ) adalah magnitud sama dengan norma sosial ( $\beta = -.06$ ,  $p < .05$ ) adalah magnitud sama dengan entropi sosial ( $\beta = .13$ ,  $p < .05$ ) adalah magnitud sama dengan jambatan sosial ( $\beta = .08$ ,  $p < .05$ ) adalah magnitud sama dengan hubungan sosial ( $\beta = -.08$ ,  $p < .05$ ). Ia menunjukkan bahawa status sosial, norma sosial, entropi sosial, jambatan sosial dan hubungan sosial menerangkan keputusan peperiksaan yang terkini pelajar iaitu sejajar dengan hipotesis bahawa keputusan peperiksaan yang terkini pelajar adalah terdiri daripada lima perbandingan yang berbeza.

Jadual 4.4: Regresi ordinal berganda antara pembolehubah modal sosial dan pencapaian akademik pelajar desa

Pembolehubah	Penyesuaian model			Statistik kuasa dua R Pseudo	Lokasi					Ujian garis selari		
	$\chi^2$	df	Sig.		Anggaran	Keralatan piawai	Wald	df	Sig.	$\chi^2$	df	Sig.
Kumpulan dan jaringan Kepercayaan Tindakan kolektif dan kerjasama Maklumat dan komunikasi Perpaduan dan penyertaan sosial	17.39	13	.18	.02	4.51	1.79	6.37	1	.01	49.90	26	.00
Pendayaupayaan Interaksi sosial Agregat sosial Autoriti sosial Peranan sosial	46.01	14	.00	.06	-2.48	.32	12.81	1	.00	39.06	28	.08
Status sosial Norma sosial Entropi sosial Jambatan sosial Hubungan sosial	26.00	15	.04	.04	-.91	.97	.87	1	.35	11.82	30	1.00
Bentuk modal sosial Dimensi modal sosial Ikatan kuat Ikatan lemah Nod	20.45	13	.09	.03	.77	2.11	.13	1	.72	36.74	26	.08

Keputusan dalam Jadual 4.4 menunjukkan cadangan disahkan dalam analisis regresi berganda ordinal dengan pencapaian akademik pelajar desa sebagai ukuran pembolehubah bersandar dan lima pembolehubah iaitu pendayaupayaan, interaksi sosial, agregat sosial, autoriti sosial dan peranan sosial sebagai peramal. Kelima-lima peramal menjelaskan sebahagian besar perbezaan,  $R^2 = .06$ ,  $F(5, 867) = 538.18$ ,  $p < .01$ . Hubungan pendayaupayaan dengan pencapaian akademik pelajar desa ( $\beta = 0, 12.81$ ,  $p < .01$ ) adalah magnitud sama dengan interaksi sosial ( $\beta = 0, 12.81$ ,  $p < .01$ ) adalah magnitud sama dengan agregat sosial ( $\beta = 0, 12.81$ ,  $p < .01$ ) adalah magnitud sama dengan autoriti sosial ( $\beta = 0, 12.81$ ,  $p < .01$ ) adalah magnitud sama dengan peranan sosial ( $\beta = 0, 12.81$ ,  $p < .01$ ). Ia menunjukkan pendayaupayaan, interaksi sosial, agregat sosial, autoriti sosial dan peranan sosial menerangkan pencapaian akademik pelajar desa iaitu sejajar dengan hipotesis bahawa pencapaian akademik pelajar desa adalah terdiri daripada lima perbandingan yang berbeza.

Kesimpulannya di sini hanya entropi sosial dan hubungan sosial yang boleh meramal keputusan peperiksaan yang terkini pelajar. Manakala pendayaupayaan, interaksi sosial, agregat sosial, autoriti sosial dan peranan sosial boleh meramal pencapaian akademik pelajar desa.

### **4.3.2 Objektif 2: Menilai Impak Corak Modal Sosial Yang Berbeza Ke atas Pencapaian Akademik Pelajar Desa**

Bahagian ini melihat perbezaan corak modal sosial mengikut latar belakang (demografi) responden seperti jantina, umur, bangsa, agama, pendapatan ibu dan bapa, biasiswa, tingkatan dan pencapaian akademik. Analisis varian sehala atau *One-way Analysis of Variance* (ANOVA) dijalankan untuk melihat perbezaan. Kelebihan ANOVA

ialah membolehkan pengkaji untuk meneliti data dengan lebih cepat dan berkesan berbanding dengan data jenis lain (Bowerman et al. 2015). Ujian Kruskal-Wallis juga dijalankan untuk membandingkan modal sosial dengan keputusan peperiksaan yang terkini pelajar.

#### **4.3.2.1 Melihat Perbezaan Corak Modal Sosial Mengikut Latar belakang Demografi Responden**

Bahagian ini menunjukkan keputusan berkenaan perbezaan corak modal sosial mengikut latar belakang demografi responden melalui analisis ANOVA.

Jadual 4.5 : Perbezaan corak modal sosial mengikut latar belakang demografi responden

Pembolehubah	Signifikan									
	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10
Kumpulan dan jaringan	.00	.01	.02	.00	.65	.97	.01	.00	.05	.76
Kepercayaan	.14	.01	.23	.12	.25	.86	.99	.00	.31	.57
Tindakan kolektif dan kerjasama	.00	.15	.03	.04	.63	.88	.04	.05	.00	.00
Maklumat dan komunikasi	.07	.23	.71	.19	.14	.68	.03	.21	.22	.13
Perpaduan dan penyertaan sosial	.01	.03	.00	.00	.07	.60	.01	.01	.08	.00
Pendayaupayaan	.06	.50	.04	.03	.90	.91	.88	.00	.00	.19
Interaksi sosial	.12	.08	.88	.23	.17	.70	.07	.04	.02	.45
Agregat sosial	.10	.14	.00	.00	.16	.98	.43	.09	.04	.73
Autoriti sosial	.00	.04	.01	.01	.20	.95	.00	.01	.16	.00
Peranan sosial	.00	.00	.01	.00	.79	.52	.00	.00	.01	.01
Status sosial	.06	.01	.02	.01	.29	.09	.04	.03	.00	.00
Norma sosial	.07	.01	.16	.37	.18	.32	.63	.04	.31	.06
Entropi sosial	.00	.00	.28	.31	.03	.01	.00	.00	.04	.00
Jambatan sosial	.03	.07	.18	.78	.46	.20	.57	.00	.95	.54
Hubungan sosial	.03	.03	.71	.63	.12	.33	.15	.02	.03	.02
Bentuk modal sosial	.05	.72	.02	.00	1.0	1.0	.10	.02	.03	.00
Dimensi modal sosial	.00	.08	.01	.00	.05	.86	.01	.01	.13	.03
Ikatan kuat	.68	.65	.15	.02	.47	.41	.06	.67	.19	.00
Ikatan lemah	.36	.13	.54	.35	.27	.00	.20	.43	.85	.12
Nod	.00	.00	.00	.00	.49	.84	.00	.00	.06	.00

Nota:

1 – Jantina; 2 – Umur; 3 – Bangsa; 4 – Agama; 5 - Pendapatan bapa; 6 - Pendapatan ibu; 7 – Basiswa; 8 – Tingkatan; 9 - Pencapaian akademik; 10 - Keputusan peperiksaan yang terkini pelajar



Berdasarkan Jadual 4.5 didapati kumpulan dan jaringan, tindakan kolektif dan kerjasama, perpaduan dan penyertaan sosial, autoriti sosial, peranan sosial, entropi sosial, jambatan sosial, hubungan sosial, bentuk modal sosial, dimensi modal sosial dan nod mempunyai perbezaan yang signifikan mengikut jantina iaitu  $p < 0.05$ . Kumpulan dan jaringan, kepercayaan, perpaduan dan penyertaan sosial, autoriti sosial, peranan sosial, status sosial, norma sosial, entropi sosial, hubungan sosial dan nod mempunyai perbezaan yang signifikan dengan umur pelajar sekolah iaitu  $p < 0.05$ . Kumpulan dan jaringan, tindakan kolektif dan kerjasama, perpaduan dan penyertaan sosial, pendayaupayaan, agregat sosial, autoriti sosial, peranan sosial, status sosial, bentuk modal sosial, dimensi modal sosial dan nod mempunyai perbezaan yang signifikan mengikut bangsa iaitu  $p < 0.05$ .

Kumpulan dan jaringan, tindakan kolektif dan kerjasama, perpaduan dan penyertaan sosial, pendayaupayaan, agregat sosial, autoriti sosial, peranan sosial, status sosial, bentuk modal sosial, dimensi modal sosial, ikatan kuat dan nod mempunyai perbezaan yang signifikan mengikut agama iaitu  $p < 0.05$ . Entropi sosial dan dimensi modal sosial mempunyai perbezaan yang signifikan mengikut pendapatan bapa sebulan iaitu  $p < 0.05$ . Entropi sosial dan ikatan lemah mempunyai perbezaan yang signifikan mengikut pendapatan ibu sebulan iaitu  $p < 0.05$ . Kumpulan dan jaringan, tindakan kolektif dan kerjasama, maklumat dan komunikasi, perpaduan dan penyertaan sosial, autoriti sosial, peranan sosial, status sosial, entropi sosial, dimensi modal sosial dan nod mempunyai perbezaan yang signifikan mengikut biasiswa iaitu  $p < 0.05$ .

Kumpulan dan jaringan, kepercayaan, tindakan kolektif dan kerjasama, perpaduan dan penyertaan sosial, pendayaupayaan, interaksi sosial, autoriti sosial, peranan sosial, status sosial, norma sosial, entropi sosial, bentuk modal sosial, dimensi modal sosial dan nod mempunyai perbezaan yang signifikan mengikut tingkatan iaitu  $p < 0.05$ . Kumpulan

dan jaringan, tindakan kolektif dan kerjasama, pendayaupayaan, interaksi sosial, agregat sosial, peranan sosial, status sosial, entropi sosial, hubungan sosial dan bentuk modal sosial mempunyai perbezaan yang signifikan dengan pencapaian akademik iaitu  $p < 0.05$ . Tindakan kolektif dan kerjasama, perpaduan dan penyertaan sosial, autoriti sosial, peranan sosial, status sosial, entropi sosial, hubungan sosial, bentuk modal sosial, dimensi modal sosial, ikatan kuat dan nod mempunyai perbezaan yang signifikan dengan keputusan peperiksaan pelajar yang terkini iaitu  $p < 0.05$ .

#### 4.3.2.2 Impak Corak Modal Sosial Yang Berbeza Ke Atas Pencapaian Akademik Pelajar Desa

Bahagian ini menunjukkan keputusan berkaitan dengan impak corak modal sosial yang berbeza ke atas pencapaian akademik pelajar di luar bandar melalui analisis Kruskal-Wallis.

Jadual 4.6: Membandingkan modal sosial dengan pencapaian akademik pelajar desa

<b>Pembolehkan modal sosial</b>	<b>Khi Kuasa Dua</b>	<b>Darjah kebebasan</b>	<b>Signifikan</b>
Kumpulan dan jaringan	2.48	2	.29
Kepercayaan	.48	2	.79
Tindakan kolektif dan kerjasama	12.70	2	.00
Maklumat dan komunikasi	3.55	2	.17
Perpaduan dan penyertaan sosial	5.15	2	.08
Pendayaupayaan	21.50	2	.00
Interaksi sosial	11.13	2	.00
Agregat sosial	6.02	2	.05
Autoriti sosial	2.07	2	.36
Peranan sosial	7.99	2	.02
Status sosial	5.68	2	.06
Norma sosial	1.51	2	.47
Entropi sosial	6.95	2	.03
Jambatan sosial	.43	2	.81
Hubungan sosial	7.78	2	.02
Bentuk modal sosial	1.58	2	.45

Jadual 4.6, sambungan

<b>Pembolehubah sosial</b>	<b>modal</b>	<b>Khi Kuasa Dua</b>	<b>Darjah kebebasan</b>	<b>Signifikan</b>
Dimensi modal sosial		5.66	2	.06
Ikatan kuat		3.56	2	.17
Ikatan lemah		.29	2	.87
Nod		4.97	2	.08

Berdasarkan Jadual 4.6 tindakan kolektif dan kerjasama, pendayaupayaan, interaksi sosial, agregat sosial, peranan sosial dan entropi sosial ada kelainan yang signifikan mengikut pencapaian akademik pelajar desa iaitu nilai  $p < .05$ . Oleh itu, hipotesis null adalah ditolak.

Jadual 4.7: Membandingkan modal sosial dengan keputusan peperiksaan yang terkini pelajar

<b>Pembolehubah modal sosial</b>	<b>Signifikan</b>
Kumpulan dan jaringan	.04
Kepercayaan	.05
Tindakan kolektif dan kerjasama	.00
Maklumat dan komunikasi	.50
Perpaduan dan penyertaan sosial	.80
Pendayaupayaan	.77
Interaksi sosial	.10
Agregat sosial	.70
Autoriti sosial	.54
Peranan sosial	.12
Status sosial	.84
Norma sosial	.27
Entropi sosial	.00
Jambatan sosial	.72
Hubungan sosial	.00
Bentuk modal sosial	.31
Dimensi modal sosial	.82
Ikatan kuat	.02
Ikatan lemah	.76
Nod	.01

Berdasarkan Jadual 4.7 menunjukkan analisis Kruskal-Wallis iaitu kumpulan dan jaringan, kepercayaan, tindakan kolektif dan kerjasama, hubungan sosial, entropi sosial,

ikatan kuat dan nod mempunyai kelainan yang signifikan mengikut keputusan peperiksaan yang terkini pelajar iaitu nilai  $p < .05$ . Oleh itu, hipotesis null adalah ditolak.

#### **4.4 Objektif 3: Mencadangkan Strategi-strategi Pemeraksanaan Modal Sosial Agar Dapat Meningkatkan Pencapaian Akademik Pelajar Desa**

Hasil kajian di sini akan dibincangkan dalam bahagian Bab 5 yang berkenaan dengan cadangan-cadangan untuk meningkatkan modal sosial di kalangan pelajar dan membawa kepada peningkatan dalam pencapaian akademik pelajar desa.

#### **4.5 Kesimpulan**

Pelajar sekolah desa yang menjadi responden dari kategori pelajar perempuan menunjukkan bilangan yang lebih tinggi daripada responden di kalangan pelajar sekolah lelaki. Didapati majoriti pelajar sekolah desa yang menjadi responden merupakan penganut agama Islam dan terdiri daripada kalangan pelajar sekolah desa berbangsa Melayu. Lebih kurang separuh responden merupakan pelajar sekolah desa yang dikategorikan dalam kalangan pelajar yang berumur 15 tahun hingga 16 tahun. Kebanyakan daripada pelajar sekolah di luar bandar tersebut tidak menerima biasiswa. Responden yang merupakan pelajar sekolah luar bandar dari tingkatan empat ialah lebih tinggi bilangannya jika dibandingkan dengan pelajar sekolah di luar bandar dari tingkatan yang lain. Majoriti responden dari pelajar sekolah luar bandar mendapati bahawa mereka mempunyai pencapaian akademik yang baik dan kurang daripada separuh responden dari pelajar sekolah luar bandar yang memperolehi keputusan peperiksaan yang terkini 1A hingga 2A. Maklumat dan komunikasi, pendayaupayaan, interaksi sosial, agregat sosial, peranan sosial,

ikatan kuat dan nod ada pertalian dengan prestasi atau keadaan cemerlang pelajar sekolah manakala hubungan sosial dan entropi sosial mempunyai hubungan dengan keputusan peperiksaan yang terkini pelajar. Kesimpulannya entropi sosial dan hubungan sosial boleh meramalkan keputusan peperiksaan yang terkini pelajar manakala pendayaupayaan, interaksi sosial, agregat sosial, autoriti sosial dan peranan sosial boleh meramal pencapaian akademik pelajar desa.